

Ashaluddin Jalil*

Abstract: It is almost three years since decentralisation is implemented in Riau. This has change the face of Riau through its Riau Vision 2020, which is targeting Riau Province to become the centre of economy and Malay culture in the South East Asia region by the year of 2020. Although the new autonomy has just started in the year of 2001, the cities in Riau, especially Tanjung Pinang, have begun to show their forms. Lots of aspects should be put into consideration since every growing city needs to be carefully controlled in order to gain a well-managed and prosperous urban area. Based on the changes of the number of people in Riau's urban areas, there are several problems, which can be discussed. First, the development policies that are set by the central government and the unautonomous local government or city authority have caused the concentration of development in the urban areas only. Secondly, the expensive land price has forced the housing developer or "BTN" to chose the sub urban areas to build the housing for the community. Thus, the community area is displaced from the city centre to the border of the city. The increase of the number of people, which includes immigration, is closely correlated to the city development. This can be considered as another problem. The other problem is the rocketing change of the people's growing percentage during 1990 to 1995 was caused by the inter area development and expansion activities in the context of economic development policies such as "Sijori" (Singapore, Johor and Riau which later changes to be the "IMS-GT") and the northern growth triangle which includes North Sumatra, Malaysia and Thailand.

Key words: Cities, Tanjung Pinang.

Pendahuluan

Bilangan penduduk di kawasan perbandaran Indonesia semasa dua dekade terakhir berlangsung sangat cepat. Purata peningkatan dekade 1971-1980 dan 1980-1990 masing-masingnya sebesar 2.93 peratus dan 5.36 peratus setiap tahun. Menurut hasil *Survai Penduduk Antar Sensus (SUPAS)*¹ Indonesia tahun 1995, bilangan penduduk bandar antara tahun 1990-1995 ialah 4.76 peratus setiap tahun (BPS, Indonesia, 1996).

Peningkatan bilangan penduduk bandar terkait rapat dengan penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar (pembandaran). Di negara berkembang (disebut juga dengan dunia

ketiga) khasnya Indonesia, pembandaran [urbanisasi] berbeza dengan negara maju atau negara industri². Di negara-negara dunia ketiga urbanisasi selalu dihubungkan dengan perkara antara lain seperti yang ditulis oleh Ismail Stapa (1998) *perobahan corak pekerjaan dari sektor pertanian (peringkat pertama) kepada sektor perindustrian (peringkat kedua) dan seterusnya kepada sektor perkhidmatan (peringkat ketiga)*. Selain itu ialah peluang pekerjaan di sektor tidak formal merupakan ciri khas urbanisasi di Indonesia. Bandar di Indonesia, menurut Nasikun (1981) menegaskan bahawa ianya memiliki kemampuan yang luar biasa menyerap guna

* Kepala Pusat Penelitian Industri dan Perkotaan (PPIP) Universitas Riau [Center for Industrial and Urban Studies/ CIUS] Jalan Pattimura no. 9 Gobah Pekanbaru, telp. 62 761 20077; fax. 62 761 26904 e-mail: ashaluddin_jalil@hotmail.com

¹ Bancian Penduduk daripada Biro Pusat Statistik Indonesia yang dilaksanakan diantara dua tahun sensus. Dalam hal ini antara tahun 1990-2000, iaitu tahun 1995.

² Nasikun, 1980. *Urbanisasi berlebih*, Prisma, LP3ES Jakarta.

tenaga yang tidak mampu bersaing di sektor formal. Manakala McGee (1985), membahas bahawa perkembangan bandar di dunia ketiga diiringi pula dengan perkembangan sektor ekonomi *tersier* atau oleh Geerzt (1976) disebutnya sebagai wujud ekonomi *bazaar* (tradisional). Pola seperti inilah menyebabkan banyak pakar mengatakan bahawa dalam kurun 1971-1980 *kadar pembandaran* di Indonesia masih lambat jika dibandingkan dengan beberapa negara lain di kawasan negara maju. Namun memasuki dekade 1980 sehingga tahun 1990, *Trend urbanisasi* berlangsung sangat cepat. Proses ini terkait rapat dengan polisi pembangunan ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan (pemerintah) pusat.

Riau dengan kawasan yang terbagi ke dalam dua kategori besar (daratan dan lautan), khasnya pesisir dan kepulauan berjarak sangat dekat dengan negara jiran Singapura dan Malaysia. Selain itu di Riau hubungan antar kawasan Provinsi (serta bandar) yang ada di pulau Sumatera sangat lancar, begitu juga hubungan pulau Sumatera ke pulau Jawa. Sejak tahun 1980 pulau Sumatera dengan 8 (lapan) *Provinsinya* merupakan pusat pengembangan daripada pelabor di kawasan Indonesia bahagian Barat. Pada saat kejayaan pembangunan ekonomi yang di-plankan melalui konsep penggalan Pembangunan Lima Tahunan (disebut dengan *pelita*), selama kurang lebih 25 tahun [5 *Pelita*] disebut juga Pem-bangunan Jangka Panjang (PJP) tahap pertama, menjadikan kawasan Riau sebagai *manisan atau madu*. Akibatnya penduduk di luar Riau khususnya pulau Jawa yang ditempati oleh 60 peratus dari jumlah penduduk Indonesia (BPS, 1992), dan beberapa Provinsi tetangga seperti: Sumatera Barat dan Sumatera Utara, banyak melakukan penghijrahan (*pindah*) ke Riau, baik mengikuti program *transmigrasi*³ maupun melalui penghijrahan di atas kemauan sendiri⁴.

Memasuki tahun 1997, Indonesia mulai memasuki suasana tekanan ekonomi dalam

negeri yang parah. Perihal ini terkait juga dengan keadaan ekonomi dunia yang dikenal dengan krisis moneter. Di Indonesia krisis ini berdampak kepada krisis ekonomi dan memasuki ke relung [dimensi] lain sehingga secara menyeleruh mengubah suasana dan sistem politik Indonesia. Krisis menyebabkan *Presiden Soeharto berhenti* menjadi presiden RI dan digantikan oleh B.J. Habibie. Sejak itu, era Habibie demokrasi di Indonesia mulai bangkit dan pada tahun 1999 melalui Undang-undang nomor 22, sistem pemerintahan yang *sentralistik* di ubah kepada *desentralisasi* iaitu memberikan kekuasaan penuh kepada daerah khasnya *Kabupaten/Kota* [distrik] untuk menyelenggarakan pemerintahannya [pembangunan dengan plan penuh dari daerah] yang selama ini [kurang lebih 33 tahun] semuanya [termasuk plan untuk daerah] ditentukan di Jakarta. Dan pada masa yang sama melalui Undang-undang nomor 53 pula Riau dari semula membawahi tujuh Kabupaten/Kota telah di kembangkan menjadi 15 Kabupaten/Kota. Dan terakhir Kota administratif Tanjungpinang pada akhir tahun 2001 telah di kuatkuasakan menjadi Kota Tanjungpinang. Ini bermakna di Riau didapati adanya 16 Kabupaten/Kota di dalam suatu kawasan yang ingin menegakkan jati diri Melayu.

Riau memasuki tiga tahun sejak desentralisasi mula mengubah dirinya iaitu melalui *Visi Riau 2020* merancang untuk: *menjadikan Provinsi Riau sebagai Pusat Perekonomian dan Kebudayaan Melayu di kawasan Asean pada tahun 2020*. Sejak itu walaupun nuansa otonomi baru dimulai pada tahun 2001, kawasan bandar di Riau khasnya Tanjungpinang mula menampakkan wujud. Banyak hal dan perkara yang patut di simak mengingat pelbagai kawasan bandar yang berkembang haruslah dikawal secara ketat agar iaanya benar-benar menjadi sebuah bandar raya yang permai.

Objektif

³ Di Indonesia *transmigrasi* maknanya ialah: penghijrahan yang di-plankan oleh kerajaan pusat secara berjangka untuk ditempatkan di luar Pulau Jawa.

⁴ Penghijrahan selain yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Pusat, juga terdapat penghijrahan yang dilaksanakan atas kemauan sendiri keatas kawasan yang telah ditentukan. Pelakunya disebut migran swakarsa dan migran

Objektif daripada tulisan ini adalah berusaha untuk memahami proses pembandaran yang sangat cepat khasnya di Bandar Tanjungpinang guna mengenal pasti hal yang berkenaan kepada aspek pembandaran. Seterusnya penekanan diarahkan kepada implikasi apa saja yang ditimbulkannya. Bila kedua-dua hal ini telah difahami maka objektif khusus daripada kajian ini adalah menemukan polisi yang harus di taja agar didapati kesesuaian antara perkembangan komuniti tempatan dengan karakteristik masyarakat bandar yang terus berkembang. Kerana bila proses dan pekembangan pembandaran tidak dicermati maka dapat dikenalpasti bahwa bandar berkembang tanpa kawalan dan ianya akan menumbuhkan kemiskinan serta keseitungan.

Matlamat Kajian

Merujuk kepada pemikiran di atas, akibat dari perkembangan penduduk bandar yang cepat menimbulkan banyak persoalan. Antara lain penyediaan perumahan, bekalan air bersih dan elektrik, angkutan, pendidikan, sampah, kesihatan, tempat perbelanjaan dan telekomunikasi. Selain itu keperluan pokok untuk penduduk bandar merupakan rangkaian yang berkait rapat dengan persoalan tersebut. Fenomena yang menjadi perbualan adalah pengangguran tidak saja bagi guna tenaga yang berdatangan (penghijrah) yang lebih khas adalah adanya pengangguran guna tenaga terdidik di bandar. Fenomena ini memerlukan penyelidikan yang cermat untuk dikenal pasti lebih lanjut. Sebab difahami bahawa sejak krisis ekonomi, ragam aktiviti bandar lebih banyak dibayangi oleh rasa tidak aman, sebab banyaknya kes jenayah yang tersangkut paut dengan perkembangan penduduk bandar.

Perkembangan Bandar

Pembangunan membawa *impek* kepada kehidupan masyarakat secara keseluruhan termasuk kedalamnya ekonomi. Kenyataan ini dibuktikan oleh adanya penduduk yang hidup di bawah garis kemiskinan di kawasan perbandaran. Untuk kes Indonesia pada tahun

1990 didapati sejumlah 16.75 peratus penduduk miskin dari jumlah penduduk yang tinggal di kawasan bandar. Angka ini (untuk kawasan bandar) telah turun sebesar 22.04 point dalam masa 1976-1990, yakni 38.79 peratus pada tahun 1976 menjadi 16.75 peratus pada tahun 1990 (BPS, 1992). Tetapi sejak krisis Julai 1997, di Indonesia jumlahnya semakin meningkat dan diperkirakan sebesar 80 juta orang atau 39.22 peratus penduduk Indonesia hidup di bawah garis kemiskinan. Pada umumnya mereka berada dan tinggal di pelbagai kawasan bandar. Terlebih lagi berlangsung pula pemutusan hubungan kerja, sehingga banyak guna tenaga yang semula bekerja menjadi berhenti bekerja.

Persoalan utama yang menjadi kajian khas adalah: industrialisasi sebagai upaya pendorong laju pertumbuhan ekonomi merupakan penyebab utama penghijrahan. Selain itu menyebabkan terjadi pula perobahan struktur ekonomi bandar dengan sektor perkhidmatan sebagai ciri utama dan seterusnya terdapat kecenderungan peningkatan urbanisasi yang ditandai dengan semakin banyaknya guna tenaga yang mengikuti sektor tidak formal. Pembandaran sebagai akibat penghijrahan dipengaruhi oleh kekuatan internal dan eksternal. Banyak pakar sebelumnya telah melakukan penyelidikan berkenaan penghijrahan [termasuk transmigrasi] dan dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi.

Penyelidikan yang pernah dilakukan oleh Haren (1976), Hugo (1981), Titus (1983), Mantra (1985), Jalil (1990), Firman (1994) serta penyelidikan Penny dan Singarimbun (1976), terungkap pula bahawa penduduk lapisan bawah daripada masyarakat di Jawa (yang tidak mempunyai tanah), sangat tertarik untuk mengikuti program transmigrasi sebab ianya akan mendapatkan tanah seluas (sedikitnya) dua hektar (1 hektar lebih kurang 2.1 acre). Oleh itu, cerita tentang lahan (tanah) merupakan bentuk sokongan kuat bagi pihak keluarga transmigran (plan penghijrahan yang dilakukan oleh kerajaan pusat). Hal tersebut berasalan kerana hasil penyelidikan Penny dan Singarimbun memberikan makna bahawa perkara tanah dan desakan ekonomi di

kampong-kampong Pulau Jawa telah mulai menampakkan kes yang signifikan pada masa pelaksanaan pelita kedua.

Pemikiran serta pendapat ini dibentangkan oleh Evers (1982), Hauser (1983), Cummings (1985) dengan asas pemikiran yang hampir sama. Seterusnya Todaro dan Stilkind (1981) menyatakan kerana adanya *bias* (polisi pembangunan yang mengutamakan kawasan bandar) menyebabkan kawasan lain (rural) tertinggal. Oleh itu, ramai penduduk kerana mengalami himpitan ekonomi, mereka meninggalkan kampong halaman mereka untuk mencari kehidupan bahru dan pindah ke bandar (penghijrahan) (Mantra, 1985). Perkara ini disokong oleh data tentang sumbangan Produk Domestik Bruto (PDB, Indonesia) dari sektor pertanian yang terus menurun. Penurunan ini dikuti pula oleh Provinsi Riau dari semasa ke semasa penduduk yang bekerja di sektor pertanian semakin berkurang dan banyak beralih kepada kegiatan perniagaan (sektor tidak formal) serta perkhidmatan di kawasan bandar (lihat jadual 1). Tetapi masa krisis didapati adanya perobahan bahawa orang mulai ramai meninggalkan kegiatan perkhidmatan dan kembali kepada sektor pertanian (Hugo, 2001).

Semua hal di atas memberikan erti kepada Riau bahawa adanya pembangunan dan perkembangan ekonomi yang ditaja oleh kerajaan pusat memberikan imlek khas kepada Riau. Pada masing-masing kawasan Kabupaten atau District terdapat projek-projek yang ditaja secara langsung oleh pihak kerajaan pusat, seperti Batam, Bintan, Tanjungbalai Karimun, dan sebahagian kawasan Riau daratan. Kelangsungan wujud *ditujukan* kepada upaya menyokong pertumbuhan ekonomi (Economic Growth Oriented). Hal ini nampaknya membawa kepada adanya *pembangkitan pusat-pusat pertumbuhan* (*Center of Growth*). Perkembangan tersebut terjadi pada semua kawasan Kabupaten dan Bandar yang ada di Riau. Kekhasan terutama tertuju kepada Batam, kemudian diikuti oleh kabupaten Kepulauan Riau (khususnya pulau Bintan, Tanjung Balai Karimun) dan

Bengkalis. Akhir-akhir ini adalah Kabupaten Indragiri Hilir, Indragiri Hulu dan Kampar.

Mengikut daripada perkembangan di atas, dan sebelum dilangsungkannya pembinaan kawasan Kabupaten dan Bandar bahru, penduduk Riau berkembang dengan sangat cepat. Bila disimak jadual 2 boleh dikatakan bahawa pertumbuhan penduduk bandar memberi erti daripada perkembangan komuniti bandar. Hal ini semakin terlihat bila dikaitkan dengan keadaan dan aktiviti perekonomian daripada masing-masing kawasan yang ada.

Perubahan bilangan penduduk kawasan bandar-bandar di Riau, didapati beberapa perkara yang boleh dikemukakan. Pertama: polisi pembangunan yang dicadangkan oleh kerajaan pusat (Jakarta) dan pengelola bandar atau Pihak Berkuasa Tempatan [PBT] yang tidak otonom menyebabkan pemusatan (Concentrate) pembangunan selalu berada di kawasan bandar. Seterusnya pembandaran berlangsung dengan cepat dan bermunculan ragam bentuk permukiman penduduk di bandar. Permukiman tersebut meningkat setali dengan pertumbuhan rumah di bandar sebagai akibat polisi tentang pengadaan perumahan rakyat. Akibatnya diberbagai kawasan terjadi pembangunan rumah baik melalui *KPR* (*Kredit Pemilikan Rumah*)⁵ yang disokong oleh Bank Tabungan Negara ataupun *real-estat* dari pihak pelabor. Kedua: kawasan pembangunan perumahan kerana menginginkan tanah yang murah dari pihak pelabor ataupun *BTN* banyak memilih kawasan luar bandar (sub-urban). Akibatnya kawasan sub-urban mendapat tekanan dari penduduk pusat bandar, daripada kejadian ini (dalam beberapa kes) oleh PBT terjadi *reklasifikasi* (*perluasan bandar*). Ketiga: terjadi pula pergeseran permukiman penduduk dari kawasan pusat bandar ke kawasan pinggiran. Hal ini disebabkan oleh kesemakan dan kesesakan (density) yang tinggi dan bandar sudah tidak lagi memberikan keselesaan. Bahkan didapati fenomena bahawa perkembangan bandar khususnya di Indonesia diikuti pula dengan berkembangnya kawasan dan perumahan setinggan. Ertinya

banyak kawasan perumahan yang dibina dengan bekalan elektrik dan air bersih yang tidak berkemampuan serta suasana jalan yang

buruk serta perkara sampah yang berterusan (Bagong, 1995).

Jadual 1. Produk Domestik Regional Bruto Provinsi Riau daripada tahun 1990, 1997 sehingga tahun 2000

No	Sektor	Tahun				
		1990	1997	1998	1999	2000
1	Pertanian		16,90	22,56	24,48	23,40
2	Pertambangan & Penggalian		3,23	2,87	2,62	2,48
3	Industri Pengolahan		29,86	26,86	26,73	25,74
4	Listrik, Gas dan air		1,01	0,92	0,94	0,88
5	Bangunan		7,39	5,97	6,19	5,58
6	Perdagangan, Hotel & Restoran		16,95	17,58	17,86	18,66
7	Angkutan dan Komunikasi		6,28	6,32	6,41	6,41
8	Keuangan, Persewaan & Perusahaan		10,42	9,61	6,31	7,68
9	Jasa-jasa		7,95	7,30	8,47	9,17
		100,00	100,00	100,00	100,00	100,00

Sumber: Biro Pusat Statistik Indonesia, 1992, 2001

Keempat; bilangan penduduk yang bertambah setali mata wang dengan perkembangan bandar dan sebaliknya (timbal-balik). Dalam hubungan ini termasuk di dalamnya penghijrahan. Penghijrah berusaha mencari rumah dengan kos yang rendah dan terjangkau serta pantas berdasarkan kemampuan dan ragam pekerjaan mereka. Mencari permukiman didalam ataupun di pusat bandar menghadapi persoalan tentang kos yang tinggi. Oleh itu, kemungkinan terbaik dan termurah adalah memilih tempat tinggal (lokasi permukiman) di kawasan pinggiran bandar (sub urban). Indikasi ini merujuk kepada perkiraan bahawa sewa dan kontrak rumah lebih murah di daerah pinggiran jika dibandingkan dengan kawasan pusat bandar. Atau jika berharap tinggal berdekatan dengan pusat bandar

pilihan yang sangat tepat adalah mencari rumah dengan kos murah, dan ini didapati bila tinggal di perumahan setinggan (Slums) ataupun liar (Squatter). Kelima; perubahan peratus penduduk yang sangat tajam pada tahun 1990 dan 1995 disebabkan oleh aktiviti pengembangan dan pembangunan antarkawasan dalam konteks polisi pembangunan ekonomi seperti *Sijori* (Singapura Johor dan Riau, kemudian menjadi IMS-GT), segi tiga pertumbuhan utara seperti Sumatera Utara, Malaysia dan Thailand. Perkembangan lain adalah adanya kerjasama antar-bandar seperti Padang-Negeri Sembilan (Malaysia) serta polisi lain yang sedang dan telah dikembangkan. Seterusnya adalah terjadinya pergeseran sektor ekonomi masing-masing kawasan yakni memfokuskan kepada perkhidmatan, perniagaan serta industri.

Jadual 2. Senarai penduduk perbandaran di Riau daripada tahun 1980 sehingga tahun 1995, menurut Kabupaten/Kota

Kabupaten/Kota	1980	1990	1995
Indragiri Hulu	1,35	6,65	14,82
Indragiri Hilir	13,09	11,27	10,45
Kepulauan Riau	39,14	50,03	53,98
K a m p a r	—	5,18	11,76
Bengkalis	32,01	30,56	28,29
Kota Pekanbaru	100,00	85,61	79,46
Kota Batam	—	86,94	84,93
Riau	27,2	31,9	34,36
Pulau Sumatera	19,6	25,5	31,27
Indonesia	22,3	30,9	35,9

Sumber : Biro Pusat Statistik Indonesia, 1982; 1992, 1996

Jadual 3 bermakna adanya taburan penduduk yang tidak merata antar kawasan ataupun Kabupaten/Kota di Riau. Oleh itu, suatu usaha keras yang harus dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan [PBT] dalam kaitan pengawalan

bukan saja dalam pentadbiran pihak kerajaan sendiri, tetapi ianya haruslah dilakukan pada semua bidang yang ditujukan kepada pengurusan orang ramai dan awam guna menunjang kehidupan penduduk bandar.

Jadual 3. Senarai bilangan (peratus) penduduk bandar Provinsi Riau, Batam dan Pulau Bintan menurut bancian Penduduk tahun 1980, 1990 dan 2000

Daerah/Kawasan	Tahun bancian		
	1980	1990	2000
Batam	—	86.9	94.45
Kepulauan Riau	39.14	50.03	71.00
Riau	27.2	31.9	34.4

Sumber: Biro Pusat Statistik Indonesia, 1982, 1992, 1996.

Menurut Undang-undang nombor: 53 tahun 1999 di Riau pada mulanya didapati tujuh Distrik, kini telah menjadi 16 Distrik [Kabupaten/Kota]. Dan pada tahun memasuki tahun 2002 Tanjungpinang pula sudah rasmi dipimpin oleh Datuk Bandar.

Bilangan penduduk di kawasan bandar Kepulauan Riau khasnya Pulau Bintan didapati seramai 19,9542 orang, atau sama dengan 88.97 peratus dari penduduk Pulau Bintan secara semuanya. Berkembangnya sektor perkhidmatan, perniagaan serta pelancongan membuat semakin ramainya kawasan ini. Ini bermakna bahawa bilangan penduduk bandar yang terus bertambah disebabkan oleh adanya penghijrahan.

Tidak dapat dinafikan bahawa kesesakan penduduk berimpek kepada alam persekitaran kawasan perbandaran. Kini tekanan tersebut telah dan sedang dirasakan secara berterusan serta meningkat menurut skala waktu dan ruang, terlebih lagi kepada masa hadapan. Proses pembandaran yang kian pesat menyebabkan perkara pengurusan alam persekitaran di kawasan bandar menjadi sangat kompleks sehingga memerlukan plan yang holistik (Nilon et al, 1999; Schwab, 2000; Mountford and Pesso, 2000), utamanya di negara-negara dunia ketiga di mana Industri tumbuh dan berkembang dengan pesat. Perkara pengurusan Bandar bertaut rapat dengan

pesatnya proses pembandaran (Population Action International, 2000; Bennet, 2000; UNEP, 2000). Sebab didapati bahawa pada tahun 1900, hanya 9 peratus penduduk dunia tinggal di kawasan bandar. Perkiraan ini bertambah menjadi 40 peratus pada tahun 1980, 50 peratus pada tahun 2000 dan diperkirakan pula akan mencapai 66 peratus pada tahun 2025 (Mcintyre et al., 2000). 23 dari 25 konglomerasi kawasan bandar terbesar di dunia, akan terdapat di Afrika, Asia dan Amerika Latin daripada Eropa ataupun Amerika Utara (Sukopp, 1998).

Perkembangan Ekonomi di kawasan bandar yang melejit utamanya di kawasan Asia akan menyebabk

an pertumbuhan ekonomi yang pesat di kawasan bandar. Pada masa ini, teknologi dan teknologi baru yang berkembang dengan pesat di kawasan bandar akan memberi pengaruh besar kepada perkembangan ekonomi di kawasan bandar. Teknologi baru yang berkembang dengan pesat di kawasan bandar akan memberi pengaruh besar kepada perkembangan ekonomi di kawasan bandar. Teknologi baru yang berkembang dengan pesat di kawasan bandar akan memberi pengaruh besar kepada perkembangan ekonomi di kawasan bandar. Teknologi baru yang berkembang dengan pesat di kawasan bandar akan memberi pengaruh besar kepada perkembangan ekonomi di kawasan bandar.

Ke depan berdasarkan perkembangan teknologi dan teknologi baru yang berkembang dengan pesat di kawasan bandar. Oleh sebab itu, perkembangan teknologi dan teknologi baru yang berkembang dengan pesat di kawasan bandar akan memberi pengaruh besar kepada perkembangan ekonomi di kawasan bandar. Ke depan berdasarkan perkembangan teknologi dan teknologi baru yang berkembang dengan pesat di kawasan bandar. Oleh sebab itu, perkembangan teknologi dan teknologi baru yang berkembang dengan pesat di kawasan bandar akan memberi pengaruh besar kepada perkembangan ekonomi di kawasan bandar. Ke depan berdasarkan perkembangan teknologi dan teknologi baru yang berkembang dengan pesat di kawasan bandar. Oleh sebab itu, perkembangan teknologi dan teknologi baru yang berkembang dengan pesat di kawasan bandar akan memberi pengaruh besar kepada perkembangan ekonomi di kawasan bandar.

Pengalaman menunjukan bahwa konsentrasi pembangunan yang dilaksanakan membawa ekses negatif kepada masyarakat tempatan. Selain itu ekses lain yang mulai tampak adalah semakin maraknya praktik prostitusi, perjudian, obat terlarang (dada) serta kes jenayah. Fenomena ini saja tidak sahaja ada di Pulau Bintan, tetapi juga sudah marak pula kepada kawasan bandar-bandar lain. Kajian Alimandan dan kawan-kawan (1993), di Batam menyimpulkan bahwa terdapat kegiatan eksploitasi guna tenaga wanita muda (usia antara 13-17 tahun) khususnya ditempat-tempat hiburan seperti: karaoke, panti pijat dan diskotik. Guna tenaga wanita ini ada yang didatangkan dengan berbagai ragam cara (janji yang muluk-muluk) dan ada pula diperoleh melalui ejensi khas serta melalui tipuan tertentu. Kes yang terkait dengan eksploitasi guna tenaga wanita di bentangkan pula oleh Ahmad (1997) dengan mengutip dari beberapa pemberitaan media massa seperti: Kompas dan Riau Pos. Wujud eksploitasi tersebut antara lain tanpa menyertakan guna tenaga wanita dalam insuran (Astek) dan dana jaminan sosial guna tenaga (jamsostek). Selain itu mereka harus bekerja lebih dari jam kerja normal (di atas lapan jam sehari) tetapi dengan upah yang dibayarkan di bawah *upah minimum regional (UMR)*.

Di Bintan guna *tehaga* wanita yang melakukan praktik prostitusi umumnya datang sendiri maupun di bawa oleh rekan mereka. Mereka yang datang dengan sengaja sudah memahami bahwa peluang untuk mendapatkan uang melalui kegiatan haram ini sangat menjanjikan. Banyak kegiatan tersembunyi yang terus berlangsung, perumahan dan rumah kedai secara khas didapati banyak menampung guna tenaga perempuan yang datang. Selain itu banyak rumah kedai yang dialih fungsikan hanya disewakan yang berdalih sedang mencari pekerjaan. Rumah tumpangan yang dikenal dengan sebutan *rumah kos* (rumah sewa) sangat laku dan selalu berganti penghuni. Isyu

terkini ialah rumah kedai banyak dijadikan pusat hiburan, *wisma dan losmen* (sejenis rumah kedai yang dialih fungsikan).

Selain daripada hal diatas, banyak perumahan yang tidak memiliki tanki septik dan mengandalkan air hujan serta air tasik untuk minum. Sedangkan cuci dan mandi keadaannya sama, karena bekalan air bersih belum mampu memberikan pelayanan yang optimal. Kendatipun ada tetapi hanya terbatas pada kawasan tertentu sahaja.

Selari dengan itu ialah masih terdapat rumah tanpa kakus dan menggunakan kakus bersama. Hal ini menggambarkan jelas bahawa kesesakan bandar mulai menghimpit kepada pelbagai segi pelayanan kepada komuniti bandar. Namun walaupun begitu orang tetap ramai datang ke Tanjungpinang, kerana apapun pekerjaan yang dilakukannya wang dapat mereka peroleh.

Penutup

Permasalahan terbesar dalam kes perbandaran ialah kesesakan, pengrusakan alam persekitaran serta penyediaan perumahan. Perbandaran berimpek kepada perlakuan terhadap polisi dan manajemen bandar oleh itu, PBT haruslah selalu mengawal dengan ketat terhadap kepadatan ruang. Sehingga ianya tidak menimbulkan kesesakan dan tekanan fizikal terhadap sesuatu kawasan. Ini berarti bahawa tingkat kesesakan ruang dapat di kawal melalui izin serta aturan yang diberlakukan. Fenomena empiri membuktikan bahawa kesesakan ruang salalu terjadi karena tidak adanya pengawalan dan polisi yang konsisten.

Ke depan persoalan perumahan menjadi serius ketika dihubungkan dengan laju pertumbuhan penduduk dan guna tenaga. Oleh itu ianya harus dicermati dan terkait dengan perkembangan ekonomi bandar. Polisi dan manajemen Bandar haruslah memperhatikan taburan pengadaan perumahan fasiliti awam seperti: pasar, pendidikan, jalan-jalan utama longkang, tempat pembuangan sampah, tempat olah raga, ibadah, pengangkutan, air

bersih, elektrik serta telekomunikasi. Jika dengan sadar dan jenih berfikir bahwa ke depan Bandar akan terus didatangi oleh penghijrah, maka polisi bandar harus benar-benar melahirkan suatu mekanisme yang holistik.

Daftar Kepustakaan

- Amien, M. 1983. *Mobilitas Penduduk di Daerah Tingkat II Kabupaten Semarang dan Pengaruhnya terhadap Peningkatan Pendapatan*. Disertasi, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta.
- Anonymous. 1971. *Sensus Penduduk Riau tahun 1971*. Biro Pusat Statistik Indonesia, Jakarta
- _____. 1982. *Sensus Penduduk Provinsi Riau 1980*. Biro Pusat Statistik Indonesia, Jakarta.
- _____. 1992. *Penduduk Riau Hasil Sensus Penduduk tahun 1990*. Biro Pusat Statistik Indonesia, Jakarta.
- _____. 1996. *Penduduk Riau Hasil Survei Penduduk Antar Sensus tahun 1995*. Biro Pusat Statistik Indonesia, Jakarta.
- Arndt, H.W. 1983. *Pembangunan dan Pemerataan: Indonesia di Zaman Orde Baru*. Gramedia, Jakarta.
- Babbie, E. 1979. *The Practice of Social Research. Second Edition.*, Wadsworth Publishing Company, Inc. Belmont, California.
- Barclay, G W. 1984. *Teknik Analisa Kependudukan*. (terjemahan — oleh Munir, R & Budiarto). PT. Bina Aksara, Jakarta.
- Bennet A J. 2000. "Environmental Consequences Of Increasing Production: Some Current Perspectives". Agriculture, Ecosystems and Environment 82, pp.89-95.
- Bougue, D.J. 1973. *Principle of Demography*. John Wiley and Sons, Inc., New York.
- Breman, J. 1985. "Sistem Tenaga Kerja Dualistis: Suatu Kritik Terhadap Konsep Sektor Informal", Dalam *Urbanisasi, Pengangguran dan Sektor Informal di Bandar*, Manning, C & T N Effendi (eds). Gramedia, Jakarta.
- Cumming, H. 1985. "A Comparasion of Migrant Adjustment in Squatter Communities of Bandung, Kuala Lumpur And Manila", Dalam "Urban Society in Southeast Asia", Gerald H. Krausse (eds.), Vol. I, *Social and Economics Issues, ASEAN Studies Monograph Series, Hongkong*, Published by Asian Research Service.
- Dieter, E H. 1982. *Sosiologi Perbandaran: Urbanisasi dan Sengketa Tanah di Indonesia dan Malaysia*. LP3ES, Jakarta.
- Eldridge & H Testile. 1956. "The Processes of Urbanization", Dalam *Demographics Analisys*, Spengler, J J and O.D. Duncan (eds). Free Press, Glencoe.
- Geertz, C. 1963. *Agricultural Involution, The Processes o Ecological Change in Indonesia*. University of California, Berkeley.
- _____. 1977. *Penjaja dan Raja, Perubahan sosial dan Modernisasi Ekonomi di Dua Bandar Indonesia*. (terjemahan — oleh S. Supomo) Edisi pertama. Gramedia, Jakarta.
- Hauser, P M (et.al) 1985. *Penduduk dan Masa Depan Perbandaran. Studi kasus di beberapa daerah Perbandaran*. (terjemahan — oleh Maris, M). Yayasan Obor, Jakarta.
- Hauser, P M. 1967. *The Study of Urbanization*. John Wiley & Sons Inc., New York
- Hidayat, 1983. "Situasi Pekerjaan, Setengah Pengangguran dan Kesempatan Kerja di Sektor Informal". Makalah. dalam Lokakarya Nasional Angkatan Kerja dan Kesempatan Kerja, 12-14 November 1983, Jakarta.
- Jones, G W. 1986. "Demografi Dalam Kemiskinan di Bandar", dalam *Kemiskinan di Indonesia*. Dorodjatun Kuntjoro-Jakti (eds), Yayasan Obor, Jakarta.
- Jong, D F, Gordon & J T Fawcett. 1981. "Motivation For Migration: An Assess-

- ment and Value Expectancy Research Model", Dalam *Migration Decision Making Multidisciplinary Approach to Micro Level Studies in Developed and Developing Countries*. Jong, D F & R W Gardner (eds). Pergamon Press, USA.
- Lee, E S. 1976. "A Theory of Migration". *Demography*, Vol. 3. 47.
- Mantra, I B. 1985. "Population Mobility in Indonesia: Past and Future", dalam *Urbanization and Migration in ASEAN Development*. Hauser P M et.al (eds.), National Institute For Research Advance-ment, Tokyo
- _____, 1987. *Population Mobility and Link between Migrants and Family Back Home: A Case Study of Villages in Yogyakarta Special Region., Indonesia*. Nihon University Population Research Institute, Tokyo.
- McGee, T. 1985. "Perombakan Struktural dan Bandar di Dunia Ketiga" dalam *Urbanisasi, Pengangguran dan Sektor Informal di Bandar*. Manning, C & T N Effendi (eds). Gramedia, Jakarta.
- Mountford D & Pesso C. "Achieving Sustainable Urban Development: From Brownfields To Environmental Management". *Industry and Environment* 23 (1-2), pp. 18-21.
- Mustin M. 1987. *Le Compost: Gestion de la Matière Organique*. Edition François DUBUSC, Paris.
- Nasikun. 1980. "Urbanisasi berlebih, Involusi Perbandaran dan Radikalisme Politik di Negeri-negeri Berkembang". *Majalah Prisma no.6, Juni, II. LP3ES*, Jakarta, pp. 9-22
- Nilon C H, A R Berkowitz & K S Hollweg. 1999. "Understanding Urban Ecosystems: A New Frontier For Science And Educa-tions". *Urban Ecosystems* 3, pp. 3-4.
- Population Action International. 2000. "Why Population Matters to Natural Resources". *Fact Sheet 13*, pp. 1-2.
- Pryor, RJ. 1975 (eds). "The Motivation of Migration", Proceeding of Seminar on Internal Migration in Asia and Pacific. Aus-tralian National University, Departement of Geography, Research School of Social Sciences, Canberra.
- Rhoda, R E. 1979. "Development Activities And Rural-Urban Migration: Is It Pos-sible to Keep Them Down on The Farm". Washinton, D.C. Office of Urban Devel-opment Bureau for The Development Sup-port Agency For International Develop-ment, Washington DC.
- Saefullah, A D. 1983. *Causes and Impact Population Movement Between Village and City: a case Study in West Java, Indonesia*. Faculty of Social Science and Poli-tics Padjadjaran University, Bandung.
- Suharso, et.al., 1976. *Rural-Urban Migra-tion in Indonesia*. National Institute of Economy and Social Research (Leknas-LIPI), Jakarta.
- Sukopp H. 1998. "Urban Ecology-Sci-entific and Practical Aspects". In *Urban Ecology* Felmann BJ H and O Uhlmann (Eds.). Springer-Verlaag, Germany, pp. 3-16.
- Syafrizal, 1986. "Kebijaksanaan Pengendalian Urbanisasi". Kertas Kerja pada Konperensi Nasional Pertumbuhan Penduduk, Urbanisasi dan Kebijaksanaan Nasional Perbandaran, 15-18 Oktober 1986, Jakarta.
- Todaro & J Stilkind. 1981. "City Bias and Rural Neglect: the Dilemma of Urban De-velopment". A Public Issues Paper of The Population Councle, New York.
- Todaro, M.P, 1976. *Migration in Developping Countries*. Firts Published, Inprimerle la Concarde, Epalluges, Switzerland.
- Wirosuhardjo, K dkk.. 1986. *Kebijaksanaan Kependudukan dan Ketenagakerjaan di Indonesia*. Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia, Jakarta.
- Wirth, L. 1938. "Urban is a Way of Life". *American Journal of Sociology*, Vol. 44, July.